

UUM TERIMA PENGHARGAAN DI EMERALD LIBRARIAN CONFERENCE



17 April 2018 – Satu majlis penyampaian anugerah telah diadakan bersempena dengan berlangsungnya *Emerald Librarian Conference* yang bertempat di Hotel Sunway Putra Kuala Lumpur yang lalu. Di majlis ini, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah berjaya dinobatkan sebagai penerima 2 anugerah utama daripada *Emerald Publishing Limited* iaitu 'High Research Output Awards 2017' dan 'High Usage Awards 2017'. Anugerah ini telah disampaikan oleh Mrs. Laura Ingle selaku *Head of Product and Institutional Marketing* kepada wakil UUM iaitu Pn. Hasma Haji Harun, Pustakawan, Perpustakaan Sultanah Bahiyah, (PSB) yang mewakili Ketua Pustakawan. Semoga dengan penganugerahan ini, PSB akan menjadi lebih unggul dalam mengetengahkan sumber-sumber yang berkualiti kepada pengguna di masa akan datang.

Untuk maklumat lanjut sila klik:

<http://www.emeraldgroup.com/news/emerald-celebrates-7th-annual-high-usage-awards>
(<http://www.emeraldgroup.com/news/emerald-celebrates-7th-annual-high-usage-awards>)

Sekian.

Disediakan oleh : Noraini Alias

Gambar oleh : Hanie Azyyati Abd Jamil

Print